



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

VERSI DALAM TALIAN TEKS  
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

---

**Akta 422**

## **AKTA PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN) 1990**

*Sebagaimana pada 1 Julai 2020*

**AKTA PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN) 1990**

Tarikh Perkenan Diraja ... ..	8 Februari 1990
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i> ... ..	22 Februari 1990
Kali terakhir dipinda melalui P.U. (A) 328/1999 yang mula berkuat kuasa pada ... ..	13 Ogos 1999

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 422

### AKTA PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN) 1990

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
- 2A. Pindaan Jadual

##### BAHAGIAN II

##### PEMINDAHAN PENGUSAHAAN PELABUHAN DAN RANCANGAN PENSWASTAAN PELABUHAN

3. Pemakaian
4. Pemindahan pengusahaan pelabuhan
5. Rancangan penswastaaan pelabuhan
6. Pengusahaan pelabuhan untuk dipindahkan kepada pengendali berlesen
7. Liabiliti berkenaan dengan pengusahaan pelabuhan
8. Kuasa, fungsi dan kewajipan pihak berkuasa pelabuhan

## BAHAGIAN III

## PELESENAN

Seksyen

9. Pelesenan pengendali pelabuhan
10. Penggantungan dan pembatalan lesen
11. Penggunaan perkhidmatan mana-mana orang oleh pihak berkuasa pelabuhan bagi tujuan menjalankan mana-mana kewajipan pengendali berlesen

## BAHAGIAN IV

## KEWAJIPAN PENGENDALI BERLESEN

12. Kewajipan am pengendali berlesen
13. Pengemukaan laporan, akaun, maklumat statistik, dll.
14. Pengendali berlesen hendaklah memberitahu pihak berkuasa pelabuhan mengenai perkara tertentu

## BAHAGIAN V

UNDANG-UNDANG KECIL, PENALTI AM, KESALAHAN OLEH  
PERTUBUHAN PERBADANAN DAN PENJALANAN PENDAKWAAN

15. Undang-undang kecil
16. Penalti am
17. Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan
18. Penjalanan pendakwaan

## BAHAGIAN VI

## PELBAGAI

19. Pengendali berlesen hendaklah mengambil kerja pegawai dan pekhidmat tertentu pihak berkuasa pelabuhan

Seksyen

20. Pengenaan dan perubahan caj oleh pengendali berlesen
21. Kuasa pemeriksaan
22. Kuasa khas pada masa darurat

BAHAGIAN VII

PINDAAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN

23. Pindaan berbangkit kepada Akta ibu
24. Peruntukan peralihan

JADUAL



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 422

#### AKTA PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN) 1990

Suatu Akta bagi memudahkan penswastaaan pengusahaan pelabuhan mana-mana pihak berkuasa pelabuhan dan perkara yang berkaitan dengannya.

[2 April 1990, P.U. (B) 198/1990]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaaan) 1990 dan hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ibu”, berhubung dengan pihak berkuasa pelabuhan, ertinya Akta yang telah menubuhkan pihak berkuasa pelabuhan itu;

“lesen” ertinya lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen 9(3) Akta ini;

“Menteri” ertinya Menteri yang pada masa ini dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pelabuhan;

“pengendali berlesen” ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang dilesenkan di bawah Bahagian III Akta ini;

“pengusahaan pelabuhan”, berhubung dengan mana-mana pihak berkuasa pelabuhan, ertinya pengusahaan pihak berkuasa pelabuhan yang berhubung dengan mengadakan apa-apa kemudahan atau perkhidmatan walau bagaimana perihalnya oleh pihak berkuasa pelabuhan itu yang berkaitan dengan penjalanan dan pelaksanaan kuasa dan kewajibannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan termasuk apa-apa harta alih dan tak alih dan hak pihak berkuasa pelabuhan yang berhubung dengan kemudahan dan perkhidmatan tersebut;

“pihak berkuasa pelabuhan” ertinya pihak berkuasa pelabuhan atau suruhanjaya pelabuhan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta ini;

“rancangan penswastaaan pelabuhan” ertinya rancangan yang diluluskan oleh Menteri di bawah seksyen 5 Akta ini.

## **Pindaan Jadual**

2A. Menteri boleh, dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menambah atau meminda mana-mana peruntukan dalam Jadual.

## **BAHAGIAN II**

### **PEMINDAHAN PENGUSAHAAN PELABUHAN DAN RANCANGAN PENSWASTAAN PELABUHAN**

## **Pemakaian**

3. (1) Akta ini hendaklah terpakai bagi apa-apa pemindahan atau pelupusan oleh pihak berkuasa pelabuhan, sama ada dengan satu

transaksi atau beberapa transaksi, kesemua atau mana-mana bahagian pengusahaan pelabuhannya.

(2) Tiada pengusahaan pelabuhan pihak berkuasa pelabuhan boleh dipindahkan atau dilupuskan kepada mana-mana orang melainkan selaras dengan dan menurut peruntukan Akta ini.

### **Pemindahan pengusahaan pelabuhan**

4. Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan pihak berkuasa pelabuhan hendaklah, tertakluk kepada seksyen 5, mempunyai kuasa untuk memindahkan atau melupuskan kesemua atau mana-mana bahagian pengusahaan pelabuhannya kepada mana-mana pengendali yang dilesenkan di bawah Akta ini.

### **Rancangan penswastaan pelabuhan**

5. (1) Sebelum menjalankan kuasanya di bawah seksyen 4, pihak berkuasa pelabuhan hendaklah menyediakan dan mengemukakan kepada Menteri rancangan penswastaan pelabuhan untuk kelulusannya.

(2) Rancangan penswastaan pelabuhan yang dikehendaki oleh subseksyen (1) hendaklah—

- (a) mengenal pasti pengusahaan pelabuhan pihak berkuasa pelabuhan;
- (b) menyatakan nilai anggaran pengusahaan tersebut;
- (c) menyatakan jenis dan takat liabiliti, jika ada, yang hendak dipindahkan;
- (d) menyatakan cara pengusahaan dan liabiliti tersebut hendak dipindahkan atau dilupuskan;

- (e) menyatakan perkiraan yang berhubungan dengan pemindahan pegawai dan pekhidmat yang relevan daripada pihak berkuasa pelabuhan kepada bakal pengendali;
- (f) menyatakan apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa pelabuhan.

(3) Jika apa-apa perkara tidak dimasukkan ke dalam rancangan penswastaaan pelabuhan dan Menteri fikirkan bahawa ia hendaklah dimasukkan, Menteri boleh mengarah pihak berkuasa pelabuhan untuk menimbangkan perkara itu dan melaporkan kepada Menteri mengenai kemasukannya ke dalam rancangan penswastaaan pelabuhan itu.

(4) Tiada rancangan penswastaaan pelabuhan boleh dilaksanakan sehingga ia telah diluluskan oleh Menteri.

(5) Tiap-tiap rancangan penswastaaan pelabuhan hendaklah dilaksanakan di dalam bentuk yang telah diluluskan oleh Menteri.

(6) Menteri boleh memberi kelulusan untuk sebahagian daripada rancangan penswastaaan pelabuhan jika Menteri fikirkan sesuai dan Akta ini hendaklah terpakai bagi bahagian itu sepertimana ia adalah suatu rancangan penswastaaan pelabuhan.

(7) Menteri boleh, selepas berunding dengan pihak berkuasa pelabuhan sebagaimana yang difikirkannya sesuai atau atas permohonan pihak berkuasa pelabuhan, meminda mana-mana rancangan penswastaaan pelabuhan yang telah diluluskan.

### **Pengusahaan pelabuhan untuk dipindahkan kepada pengendali berlesen**

6. Pengusahaan pelabuhan pihak berkuasa pelabuhan yang hendak dipindahkan kepada seseorang pengendali mengikut rancangan penswastaaan pelabuhan hendaklah dipindahkan dengan secepat yang dapat dilaksanakan selepas—

- (a) rancangan penswastaan pelabuhan itu diluluskan oleh Menteri di bawah seksyen 5;
- (b) pelaksanaan apa-apa perjanjian yang perlu di antara pihak berkuasa pelabuhan dengan pengendali; dan
- (c) pengeluaran lesen kepada pengendali di bawah subseksyen 9(3).

### **Liabiliti berkenaan dengan pengusahaan pelabuhan**

7. (1) Jika mana-mana pengusahaan pelabuhan hendak dipindahkan kepada pengendali berlesen pihak berkuasa pelabuhan hendaklah mengenal pasti liabilitinya berhubung dengan pengusahaan tersebut dalam rancangan penswastaan pelabuhan.

(2) Liabiliti yang telah dikenal pasti itu hendaklah kekal sebagai liabiliti pihak berkuasa pelabuhan melainkan kepada takat mana-mana perjanjian bertulis yang berlawanan di antara—

- (a) pihak berkuasa pelabuhan;
- (b) pengendali berlesen;
- (c) orang yang kepadanya liabiliti itu tertanggung; dan
- (d) mana-mana penjamin liabiliti itu.

### **Kuasa, fungsi dan kewajipan pihak berkuasa pelabuhan**

8. Pihak berkuasa pelabuhan hendaklah, sebagai tambahan kepada kuasa yang diberikan, dan fungsi dan kewajipan yang dikenakan ke atasnya oleh mana-mana undang-undang bertulis, menjalankan fungsi kawal selia berkenaan dengan penjalanan aktiviti pelabuhan dan pengendalian kemudahan dan perkhidmatan di pelabuhan oleh pengendali berlesen termasuk penetapan standard prestasi mereka dan

standard kemudahan dan perkhidmatan yang diadakan oleh mereka dan penguatkuasaannya.

### BAHAGIAN III

### PELESENAN

#### **Pelesenan pengendali pelabuhan**

9. (1) Tiada pengusahaan pelabuhan yang termasuk di dalam mana-mana rancangan penswastaaan pelabuhan yang diluluskan boleh dipindahkan kepada atau diuruskan oleh mana-mana orang selain orang yang dilesenkan oleh pihak berkuasa pelabuhan di bawah subseksyen (3).

(2) Apa-apa permohonan bagi pemberian lesen di bawah Bahagian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah mengandungi, atau disertai dengan, maklumat dan dokumen sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa pelabuhan bagi maksud memutuskan permohonan itu dan kesesuaian pemohon untuk lesen itu.

(3) Apabila menerima permohonan yang dibuat mengikut subseksyen (2), pihak berkuasa pelabuhan boleh—

(a) tertakluk kepada peruntukan subseksyen (4) dan pembayaran apa-apa fi yang pihak berkuasa pelabuhan fikirkan patut, mengeluarkan lesen kepada pemohon; atau

(b) enggan mengeluarkan lesen.

(4) Setiap lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (3) hendaklah menyatakan tempoh lesen itu dan hendaklah selanjutnya menetapkan—

(a) jenis perkhidmatan atau kemudahan yang akan diadakan oleh pemegang lesen;

(b) fi lesen tahunan yang kena dibayar oleh pemegang lesen;

- (c) kewajipan tertentu pemegang lesen berkenaan dengan perkhidmatan atau kemudahan yang diadakan olehnya; dan
- (d) perkara atau syarat lain sebagaimana yang pihak berkuasa pelabuhan fikirkan patut.

(5) Pengeluaran lesen kepada pengendali pelabuhan oleh pihak berkuasa pelabuhan di bawah subseksyen (3) hendaklah tidak mengenakan apa-apa liabiliti ke atas pihak berkuasa pelabuhan terhadap apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan, peninggalan atau keingkaran pengendali tersebut.

### **Penggantungan dan pembatalan lesen**

**10.** (1) Pihak berkuasa pelabuhan boleh pada bila-bila masa menggantung atau membatalkan mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 9 kerana pelanggaran apa-apa syarat lesen atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau Akta ibu atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Pengendali berlesen boleh merayu kepada Menteri terhadap penggantungan atau pembatalan lesennya oleh pihak berkuasa pelabuhan di bawah subseksyen (1).

(3) Setiap rayuan tersebut hendaklah dibuat secara bertulis dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh keputusan pihak berkuasa pelabuhan disampaikan kepada pengendali berlesen.

(4) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad dan konklusif.

(5) Keputusan pihak berkuasa pelabuhan di bawah subseksyen (1) hendaklah berkuat kuasa dengan serta-merta walau apa pun apa-apa rayuan dibuat di bawah subseksyen (2).

(6) Jika sesuatu lesen digantung atau dibatalkan di bawah subseksyen (1), pihak berkuasa pelabuhan boleh, jika ia fikirkan bahawa penggantungan atau pembatalan tersebut akan menjejaskan

secara material pergerakan kargo atau penumpang di pelabuhan dan dengan keizinan Menteri—

- (a) mengambil milikan sementara mana-mana pengusahaan pelabuhan;
- (b) mengendalikan mana-mana pengusahaan pelabuhan; dan
- (c) mengguna khidmat mana-mana pekhidmat atau pekerja,

pengendali tersebut.

**Penggunaan perkhidmatan mana-mana orang oleh pihak berkuasa pelabuhan bagi tujuan menjalankan mana-mana kewajipan pengendali berlesen**

**11.** (1) Tanpa menjejaskan peruntukan subseksyen 10(1), jika pada hemat pihak berkuasa pelabuhan pengendali berlesen telah gagal menjalankan mana-mana kewajipannya di bawah lesen itu, pihak berkuasa pelabuhan boleh memberi notis secara bertulis kepada pengendali berlesen memintanya melaksanakan kewajipan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan di dalam notis itu.

(2) Jika selepas tamat tempoh yang ditetapkan di dalam notis tersebut pengendali berlesen gagal menjalankan kewajipan yang disebutkan di dalamnya, pihak berkuasa pelabuhan boleh mengguna khidmat mana-mana orang lain untuk melaksanakan kewajipan tersebut dan kesemua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak berkuasa pelabuhan berkenaan dengannya apabila dituntut hendaklah dibayar balik dengan serta-merta oleh pengendali berlesen.

(3) Seseorang yang diguna khidmat oleh pihak berkuasa pelabuhan di bawah subseksyen (2) boleh memasuki mana-mana premis pengendali berlesen itu dan membawa ke dalam premis itu apa-apa kelengkapan atau jentera sebagaimana yang perlu atau wajar bagi maksud menjalankan kewajipan tersebut.

(4) Di dalam setiap lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen 9, hendaklah, jika tidak ada apa-apa peruntukan nyata di dalamnya yang berlawanan, terdapat syarat tersirat bahawa mana-mana orang yang diguna khidmat oleh pihak berkuasa pelabuhan di bawah subseksyen (2) boleh—

- (a) mengambil milikan sementara dan mengendalikan mana-mana kelengkapan atau jentera kepunyaan atau yang digunakan oleh pengendali berlesen; dan
- (b) mengambil kerja mana-mana pekhidmat atau pekerja pengendali berlesen.

(5) Jika mana-mana kelengkapan atau jentera kepunyaan pengendali berlesen diambil alih dan dikendalikan di bawah subseksyen (4), pampasan mencukupi hendaklah dibayar kepada pengendali berlesen oleh orang yang mengambil alih dan mengendalikan kelengkapan atau jentera tersebut.

(6) Orang yang diguna khidmat oleh pihak berkuasa pelabuhan di bawah subseksyen (2) hendaklah terus melaksanakan kewajipan yang baginya diguna khidmat walau apa pun pertikaian mengenai pampasan mencukupi yang dirujukkan di subseksyen (5) di atas.

(7) Pihak berkuasa pelabuhan hendaklah tidak bertanggung terhadap apa-apa kerosakan atau kecederaan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan, peninggalan atau keingkaran orang yang diguna khidmat oleh pihak berkuasa pelabuhan di bawah subseksyen (2).

#### BAHAGIAN IV

##### KEWAJIPAN PENGENDALI BERLESEN

#### **Kewajipan am pengendali berlesen**

**12.** (1) Adalah menjadi kewajipan pengendali berlesen mengadakan perkhidmatan dan kemudahan pelabuhan yang ditentukan di dalam lesennya kepada takat yang perlu bagi pengendali berlesen itu

mencapai standard prestasi yang diputuskan oleh pihak berkuasa pelabuhan di bawah seksyen 8.

(2) Pengendali berlesen hendaklah memberi perhatian yang wajar terhadap kecekapan, ekonomi dan keselamatan pengendalian berkenaan dengan perkhidmatan dan kemudahan yang diadakan olehnya.

### **Pengemukaan laporan, akaun, maklumat statistik, dll.**

**13.** (1) Tiap-tiap pengendali berlesen hendaklah—

- (a) dalam tempoh tiga bulan selepas tamat setiap tahun kewangan atau suatu tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang dibenarkan oleh pihak berkuasa pelabuhan menyerahkan kepada pihak berkuasa pelabuhan tersebut—
  - (i) satu laporan mengenai operasinya bagi tahun kewangan tersebut mengandungi maklumat yang perlu untuk membolehkan pihak berkuasa pelabuhan membuat penilaian bermaklum mengenai operasi tersebut; dan
  - (ii) kunci kira-kira tahunannya yang telah diaudit, akaun untung rugi, bersama dengan apa-apa nota mengenainya dan laporan juruaudit dan pengarahnya; dan
- (b) mengemukakan kepada pihak berkuasa pelabuhan—
  - (i) maklumat statistik yang berhubungan dengan operasinya sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa pelabuhan dari semasa ke semasa;
  - (ii) ramalan kargonya bagi sesuatu tempoh dan dalam bentuk sebagaimana yang diputuskan oleh pihak berkuasa pelabuhan dari semasa ke semasa; dan

- (iii) rancangan pembangunan masa depan yang berhubungan dengan apa-apa perkhidmatan dan kemudahan yang mesti diadakan olehnya di bawah syarat lesen.

(2) Pihak berkuasa pelabuhan boleh menghendaki pengendali berlesen mengemukakan apa-apa maklumat lanjut atau tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu sama ada dengan cara penjelasan, penghuraian, atau sebaliknya mengenai apa-apa laporan atau maklumat yang dikemukakan oleh pengendali tersebut di bawah subseksyen (1) dan maklumat tersebut hendaklah dikemukakan dalam tempoh dan cara sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa pelabuhan.

**Pengendali berlesen hendaklah memberitahu pihak berkuasa pelabuhan mengenai perkara tertentu**

**14.** (1) Hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap pengendali berlesen untuk sentiasa memaklumkan kepada pihak berkuasa pelabuhan dengan serta-merta mengenai perkara berikut:

- (a) apa-apa pertukaran penguasaan ke atas pengendali berlesen;
- (b) apa-apa pertikaian perindustrian di antara pengendali berlesen dengan pekerjaannya;
- (c) apa-apa kemalangan atau kecelakaan perindustrian yang melibatkan mana-mana pekhidmat, pekerja atau agen pengendali berlesen;
- (d) apa-apa kejadian kebakaran di dalam premisnya;
- (e) apa-apa kecurian atau curidikit di dalam premisnya atau yang melibatkan mana-mana kargo dalam milikan atau kawalannya; dan
- (f) apa-apa prosiding atau tuntutan yang dimulakan oleh atau dibuat terhadap pengendali berlesen yang boleh

menjejaskan kemampuannya untuk melaksanakan apa-apa syarat di bawah lesen.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(a), ungkapan “penguasaan” berhubung dengan seseorang pengendali berlesen bermakna kuasa untuk mengarah pengurusan dan polisi pengendali berlesen.

#### BAHAGIAN V

#### UNDANG-UNDANG KECIL, PENALTI AM, KESALAHAN OLEH PERTUBUHAN PERBADANAN DAN PENJALANAN PENDAKWAAN

#### **Undang-undang kecil**

**15.** (1) Pihak berkuasa pelabuhan boleh, dengan kelulusan Menteri, dari semasa ke semasa, membuat undang-undang kecil sebagaimana yang perlu atau bermanfaat bagi menjalankan atau mencapai objek dan maksud peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna subseksyen (1), undang-undang kecil boleh dibuat—

- (a) untuk mengadakan kawalan oleh pihak berkuasa pelabuhan berkenaan dengan mana-mana projek bagi kemajuan dan pembangunan kemudahan dan perkhidmatan di pelabuhan;
- (b) untuk mengawal selia penggunaan selamat limbungan, dermaga, pengkalan, pelantar, gudang, bangsal dan premis yang diletak hak kepada atau di bawah kawalan mana-mana orang yang menjalankan mana-mana operasi pelabuhan atau yang mengadakan apa-apa kemudahan dan perkhidmatan pelabuhan;
- (c) untuk menjaga kebersihan lembangan, kerja dan premis di dalam had kawasan pelabuhan dan untuk mencegah pencemaran air di dalamnya;

- (d) untuk keselamatan orang yang bekerja di pelabuhan dan atas kapal atau vesel yang menggunakan pelabuhan;
- (e) untuk mencegah kacau ganggu dan penyalahgunaan premis di dalam kawasan pelabuhan;
- (f) untuk pengelasan dan mengawal selia pengangkutan memuat dan memunggah barang-barang bahaya oleh mana-mana pengendali berlesen;
- (g) secara am untuk memberi kesan kepada peruntukan Akta ini.

### **Penalti am**

**16.** Mana-mana pengendali berlesen yang melanggar atau gagal mematuhi apa-apa syarat lesen atau peruntukan Akta ini atau Akta ibu atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya yang tiada penalti diperuntukkan secara nyata melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**17.** Jika kesalahan di bawah Akta ini, Akta ibu atau di bawah mana-mana peraturan-peraturan atau undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya dilakukan oleh pertubuhan perbadanan (sama ada pertubuhan perbadanan itu telah didakwa atau tidak), tiap-tiap pengarah, setiausaha atau pengurus pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan bersalah atas kesalahan itu melainkan dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarkannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk menghalang kesalahan itu dilakukan sebagaimana dia patut menjalankannya setelah mengambil kira keadaan tugasnya dalam kedudukan tersebut dan segala hal keadaan itu.

**Penjalanan pendakwaan**

**18.** Pendakwaan mengenai kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya boleh dijalankan oleh mana-mana pegawai atau pekhidmat pihak berkuasa pelabuhan yang diberi kuasa secara khusus bagi pihaknya oleh pengerusi pihak berkuasa pelabuhan.

## BAHAGIAN VI

## PELBAGAI

**Pengendali berlesen hendaklah mengambil kerja pegawai dan pekhidmat tertentu pihak berkuasa pelabuhan**

**19.** (1) Pengendali berlesen hendaklah mengambil kerja mana-mana pegawai dan pekhidmat pihak berkuasa pelabuhan yang, setelah diberi opsyen oleh pihak berkuasa pelabuhan, memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja kepada pengendali tersebut, menurut apa-apa perkiraan sebagaimana yang diperuntukkan oleh rancangan penswastan pelabuhan yang diluluskan.

(2) Seksyen 13 Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 [*Akta 239*] hendaklah terpakai kepada pegawai atau pekhidmat pihak berkuasa pelabuhan yang diambil kerja oleh mana-mana pengendali berlesen menurut rancangan penswastan yang diluluskan seolah-olah pegawai atau pekhidmat tersebut telah dilantik dengan kelulusan Kerajaan untuk berkhidmat dengan sebuah organisasi selaras dengan seksyen tersebut.

**Pengenaan dan perubahan caj oleh pengendali berlesen**

**20.** (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan di dalam Akta ibu atau mana-mana undang-undang bertulis lain, pengendali berlesen boleh, berhubung dengan apa-apa kemudahan atau perkhidmatan yang diadakan olehnya menurut syarat lesen melevi caj sebagaimana yang

ditentukan di bawah mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawah Akta ibu dan berkenaan dengannya—

- (a) memberi diskaun pada kadar sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (b) mengenakan faedah ke atas apa-apa jumlah yang bertanggung;
- (c) dalam hal kemudahan atau perkhidmatan pakej yang diadakan olehnya, melebihi caj yang lebih tinggi yang tidak melebihi peratus caj yang ditetapkan sebagaimana yang diluluskan oleh pihak berkuasa pelabuhan.

(2) Jika, berkenaan dengan apa-apa kemudahan atau perkhidmatan yang diadakan oleh pengendali berlesen, tiada caj yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang kecil, pengendali berlesen itu hendaklah, walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, berhak melebihi caj pada kadar yang diluluskan secara bertulis oleh pihak berkuasa pelabuhan.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “kemudahan pakej” atau “perkhidmatan pakej” bermakna gabungan dua atau lebih kemudahan atau perkhidmatan yang caj mengenainya telah ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang kecil.

### **Kuasa pemeriksaan**

**21.** Pihak berkuasa pelabuhan boleh bagi maksud Akta ini atau Akta ibu atau mana-mana undang-undang kecil yang dibuat di bawahnya memasuki mana-mana premis yang diduduki oleh pengendali berlesen untuk memeriksa keadaan premis tersebut atau mana-mana bangunan atau kemudahan di dalamnya.

**Kuasa khas pada masa darurat**

**22.** (1) Perdana Menteri boleh, apabila berlaku apa-apa kekacauan perindustrian, mogok atau apa-apa sekat masuk yang menimbulkan keadaan darurat, atau atas kepentingan keselamatan awam, memberi kuasa kepada pihak berkuasa pelabuhan untuk—

- (a) menggantung lesen, mengambil milikan sementara dan mengendali mana-mana pengusahaan pengendali berlesen dengan cara sebagaimana yang disifatkannya patut; atau
- (b) menarik balik sama ada sebahagian atau keseluruhan penggunaan apa-apa perkhidmatan atau kemudahan pelabuhan daripada mana-mana orang atau kelas orang atau daripada mana-mana orang awam.

(2) Jika apa-apa keraguan berbangkit mengenai wujudnya darurat atau apa-apa perbuatan yang dilakukan di bawah subseksyen (1) adalah atas kepentingan keselamatan awam, satu sijil yang ditandatangani oleh Perdana Menteri dan dipamerkan di mana-mana tempat yang Menteri sifatkan sesuai hendaklah menjadi bukti muktamad mengenainya.

(3) Jika Kerajaan mengambil milikan mana-mana pengusahaan pelabuhan di bawah perenggan (1)(a) pampasan mencukupi hendaklah dibayar.

**BAHAGIAN VII****PINDAAN DAN PERUNTUKAN PERALIHAN****Pindaan berbangkit kepada Akta ibu**

**23.** (1) Akta ibu dipinda dengan cara yang dinyatakan dalam subseksyen (2), (3) dan (4).

(2) Seksyen 16A Akta Pihak Berkuasa-Pihak berkuasa Pelabuhan 1963 [*Akta 488*] dengan ini dipinda dengan memasukkan selepas

perkataan “this Act” dalam subseksyen (1) dan (3), perkataan “or the Ports (Privatisation) Act 1989”.

(3) Seksyen 33A Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955 [*Akta 140*] dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “this Act” dalam subseksyen (1) dan (3), perkataan “or the Ports (Privatisation) Act 1989”.

(4) Seksyen 27A Akta Pihak Berkuasa Pelabuhan Bintulu 1981 [*Akta 243*] dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Akta ini” dalam subseksyen (1) dan (3), perkataan “atau Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1989, yang bersesuaian,”.

### **Peruntukan peralihan**

**24.** Mana-mana lesen yang telah dikeluarkan kepada mana-mana orang di bawah mana-mana Akta ibu bagi maksud membolehkan orang itu mengambil alih atau mengendalikan apa-apa pengusahaan sesuatu pihak berkuasa pelabuhan dan masih berkuat kuasa pada tarikh mula kuat kuasa Akta ini hendaklah disifatkan sebagai telah dikeluarkan di bawah Akta ini dan hendaklah terus menjadi sah sehingga ia dibatalkan di bawah Akta ini dan peruntukan Akta ini hendaklah terpakai bagi orang itu seolah-olah dia adalah pengendali berlesen.

---

## JADUAL

[Seksyen 2]

(1) <i>Pelabuhan</i>	(2) <i>Pihak Berkuasa Pelabuhan</i>	(3) <i>Akta Ibu</i>
Pelabuhan Pulau Pinang	Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang	Akta Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang 1955
Pelabuhan Kelang	Pihak Berkuasa Pelabuhan Kelang	Akta Pihak-Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963
Pelabuhan Kuantan	Pihak Berkuasa Pelabuhan Kuantan	Akta Pihak-Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963
Pelabuhan Pasir Gudang	Pihak Berkuasa Pelabuhan Johor	Akta Pihak-Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963
Pelabuhan Bintulu	Pihak Berkuasa Pelabuhan Bintulu	Akta Pihak Berkuasa Pelabuhan Bintulu 1981
Pelabuhan Melaka	Pihak Berkuasa Pelabuhan Melaka	Akta Pihak-Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963
Pelabuhan Kemaman	Pihak Berkuasa Pelabuhan Kemaman	Akta Pihak-Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963
Pelabuhan Tanjung Pelepas	Pihak Berkuasa Pelabuhan Johor (Tanjung Pelepas)	Akta Pihak-Pihak Berkuasa Pelabuhan 1963

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

**Akta 422**

**AKTA PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN) 1990**

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta A934	Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaaan) (Pindaan) 1995	10-11-1995
P.U. (A) 442/1999	Perintah Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaaan) (Pindaan Jadual) 1990	11-11-1995
P.U. (A) 517/1996	Perintah Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaaan) (Pelabuhan Kemaman) 1996	18-10-1996
P.U. (A) 328/1999	Perintah Pelabuhan-Pelabuhan (Pelabuhan Tanjung Pelepas) 1999	13-08-1999

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 422****AKTA PELABUHAN-PELABUHAN (PENSWASTAAN) 1990**

## SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
2A	Akta A934	10-11-1995
Jadual	P.U. (A) 442/1999 P.U. (A) 517/1996 P.U. (A) 328/1999	11-11-1995 18-10-1996 13-08-1999

---